

12) PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI

Adun : Y.B. Puan Mariam Binti Abdul Rashid (Meru)

Kategori : Bertulis

Sesi : 1 (2025)

Sub soalan :

a) Berapakah jumlah projek perumahan terbengkalai dan projek sakit di DUN Meru?

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan kepada laporan Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sehingga 31 Disember 2024, terdapat 8 projek perumahan telah disahkan sebagai projek perumahan swasta terbengkalai oleh Yang Berhormat Menteri KPKT pada 1 Jun 2021 selaras dengan peruntukan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan), 1966 (Akta 1118). Daripada jumlah tersebut, 3 projek merupakan projek terbengkalai di bawah DUN Meru yang melibatkan 325 unit rumah. Manakala tiada projek sakit di kawasan DUN Meru yang disenaraikan oleh Jabatan Perumahan Negara.

Senarai 3 projek di bawah DUN Meru yang diklasifikasikan sebagai projek terbengkalai adalah seperti berikut:

BIL.	PROJEK	PEMAJU	UNIT
1.	Taman Meru Makmur, Di Atas Lot 2223 & Lot 2224, Jalan Kasban, Meru, Klang	Mekarkota (M Sdn Bhd	100
2.	Taman Meru Makmur, Di Atas Lot 2225, Jalan Kasban, Meru, Klang	Vorpac Sdn Bhd	30
3.	Pangsaputi Impian Meru, Di Atas Lot Asal 1903, Meru, Klang	Wawasetia Sdn Bhd	195

b) Bagaimana pemantauan dan kaedah penyelesaian oleh Kerajaan terhadap projek-projek perumahan sakit dan projek terbengkalai?

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha mengatasi masalah projek terbengkalai di Selangor dengan menyalurkan bantuan kepada pembeli walaupun bidang kuasa Kerajaan Negeri hanya terhad kepada tindakan secara pentadbiran sahaja.

Beberapa langkah proaktif telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui LPHS ke arah membantu pembeli-pembeli yang terlibat dengan projek terbengkalai, yang mana Kerajaan Negeri memahami kesulitan yang mereka hadapi dan seterusnya bertindak sebagai pemudah cara bagi mengatasi masalah ini, antaranya seperti berikut:

- 1) **Penubuhan Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT) Negeri Selangor** yang berperanan bagi membincangkan dan mendapatkan kerjasama semua pihak dalam memulihkan projek terbengkalai. Jawatankuasa yang diurus setia oleh LPHS ini berperanan dalam merangka plan pemulihan di samping membuat penilaian semula projek terbengkalai sama ada projek tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan. LPHS sebagai agensi pemantauan senantiasa berusaha memastikan projek terbengkalai dapat dipulihkan dan seterusnya dapat disiapkan sehingga Sijil Layak Menduduki diperolehi.
- 2) **Penubuhan Jawatankuasa Kecil Pemulihan Projek Terbengkalai di Pihak Berkuasa Tempatan (JKPPT PBT)** yang berperanan untuk membincangkan dan memantau pemulihan projek terbengkalai yang dilaksanakan pemaaju di peringkat PBT. Jawatankuasa ini berperanan sebagai pemudah cara bagi menyelesaikan sebarang isu berkaitan pemulihan projek terbengkalai seperti pindaan plan pembangunan.
- 3) Inisiatif LPHS dalam mengeluarkan **surat pengesahan projek terbengkalai** dalam membantu pembeli berurusan dengan pihak pembiayaan pinjaman bagi menstrukturkan semula atau mengurangkan ansuran bayaran bulanan daripada pembiayaan atau bank.
- 4) LPHS juga mengadakan **perbincangan bersama pelikuidasi (liquidator)** terbabit bagi mencari kaedah terbaik dalam memulihkan projek yang terbengkalai.
- 5) LPHS turut mengadakan **perbincangan dengan semua jabatan teknikal** seperti SYABAS, TNB, IWK dan agensi berkaitan dengan tujuan mempercepatkan pemulihan projek di samping mengenakan syarat minima bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang kecil tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan.